



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 4 TAHUN 2022

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN APEL.Q UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Bahagian Hal Ehwal Akademik
8 Februari 2022

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

8 Februari 2022

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK **BILANGAN 4 TAHUN 2022**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN APEL.Q UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.0 TUJUAN

Surat Pekeling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-209 Bilangan 2/2022 yang bersidang pada 8 Februari 2022 telah bersetuju dengan Garis Panduan Pelaksanaan Apel Q Universiti Pendidikan Sultan Idris.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis Panduan Pelaksanaan APEL.Q UPSI telah digubal berdasarkan *Guidelines to Good Practices: Accredetation of Prior Experiential Learning for Award of Academic Qualification (APEL.Q)* yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- 2.2 MQA telah memberikan kelulusan kepada UPSI untuk melaksanakan APEL.Q bagi program Diploma Keusahawanan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi bermula 26 Oktober 2021 hingga 25 Oktober 2026 (5 tahun).

3.0 KEPUTUSAN SENAT

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Apel Q Universiti Pendidikan Sultan Idris seperti berikut:

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN APEL.QUNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.0 Latar Belakang

- 1.1 Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah memperkenalkan *Accreditation of Prior Experiential Learning for Access* (APEL.A) dan *Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award* (APEL.C) bagi mengiktiraf pengalaman seseorang individu serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat.
- 1.2 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mengorak langkah dalam penglibatan pelaksanaan APEL bermula dengan kelulusan yang diperoleh untuk melaksanakan *Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award* (APEL.C) bermula 24 September 2019.
- 1.3 Kini UPSI mengorak langkah dengan menyokong pelaksanaan *Accreditation of Prior Experiential Learning for Award of Academic Qualification* (APEL.Q). Penglibatan UPSI dalam pelaksanaan APEL.Q bermula pada tahun 2020 dengan pelaksanaan kajian rintis.
- 1.4 Dengan kelulusan yang diterima daripada MQA, kini UPSI akan mempergiatkan lagi usaha untuk membina kerangka penilaian APEL.Q bagi program-program yang berpotensi untuk mengiktiraf pengalaman seseorang individu yang diperoleh melalui pengalaman hidup dan kerjaya sama ada secara pembelajaran formal dan tidak formal.

2.0 Definisi

- 2.1 APEL.Q adalah pemberian kelayakan akademik kepada pelajar melalui penilaian pembelajaran pengalaman terdahulu bagi program yang ditawarkan oleh Penyedia Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia. APEL.Q menyediakan mekanisme untuk menilai pembelajaran berdasarkan pengalaman individu yang relevan dengan program pengajian.

- 2.2 Pemberian kelayakan akademik secara APEL.Q adalah berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang diperoleh melalui pembelajaran formal, tidak formal atau bukan formal.
- 2.3 Penilaian APEL.Q adalah ke atas kebolehan individu untuk menggunakan pengalaman terdahulu dalam mencapai Hasil Pembelajaran Program (PLO) serta lima kelompok hasil pembelajaran yang terkait seperti yang ditetapkan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

3.0 Justifikasi Pelaksanaan APEL.Q

- 3.1 Mengiktiraf pengalaman pembelajaran terdahulu yang diperoleh oleh individu melalui sumber pembelajaran formal, tidak formal atau bukan formal serta untuk mempromosikan budaya pembelajaran sepanjang hayat.
- 3.2 Mendorong individu yang mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan untuk memperoleh ijazah yang relevan melalui mekanisme penilaian yang berbeza tanpa melalui laluan biasa.
- 3.3 Berpotensi untuk mengurangkan usaha, masa dan kos untuk melengkapkan pengajian daripada laluan biasa.

4.0 Dasar Umum

- 4.1 Permohonan APEL.Q boleh dimohon oleh:
- 4.1.1 pelajar tempatan dan antarabangsa
 - 4.1.2 pelajar berdaftar UPSI
 - 4.1.3 pelajar memenuhi syarat minimum pengalaman bekerja
- 4.2 Untuk memohon APEL.Q, pemohon mesti memenuhi syarat minimum pengalaman kerja pada tahap yang sesuai di bidang yang relevan seperti berikut:

Peringkat MQF	Sektor Akademik	Jumlah Minimum Pengalaman Dalam Bidang Yang Relevan
3	Sijil	5 Tahun
4	Diploma	10 Tahun
5	Diploma Lanjutan	12 Tahun
6	Sarjana Muda	15 Tahun

7	Sarjana	20 Tahun
8	Kedoktoran	25 Tahun

Nota : Calon yang tidak memenuhi syarat pengalaman minimum yang dinyatakan di atas tetapi mempunyai pengalaman yang luar biasa, boleh dipertimbangkan berdasarkan kes oleh Senat.

- 4.3 APEL.Q hanya boleh dilaksanakan bagi program yang telah mendapat Akreditasi Penuh dari MQA.
- 4.4 Untuk peringkat pengajian pasca siswazah (Tahap 7 dan 8, MQF), pemberian kelayakan akademik hanya terhad kepada program Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran sahaja.

5.0 Dasar Penganugerahan Kelayakan Akademik

- 5.1 Penilaian untuk APEL.Q harus dilakukan secara berasingan untuk setiap program. Setiap permohonan adalah khusus untuk pemberian satu kelayakan akademik sahaja.
- 5.2 Kursus yang merupakan sebahagian daripada program yang diiktiraf oleh badan profesional boleh diberikan APEL.Q tertakluk kepada penerimaan badan profesional. UPSI adalah bertanggungjawab mendapatkan pengesahan badan profesional.
- 5.3 Penilaian terdiri daripada tiga (3) instrumen utama yang mengikut turutan berikut:
 - 5.3.1 *Portfolio*
 - 5.3.2 *Field and Validation Visit (FVV)*
 - 5.3.3 *Challenge Test*
 setelah berjaya menyelesaikan ketiga-tiga penilaian di atas, pelajar perlu melengkapkan *Capstone Course* yang telah ditetapkan bagi program pengajian tersebut.
- 5.4 Markah penilaian minimum yang perlu diperoleh oleh pelajar ialah sekurang-kurangnya 50% bagi setiap *Program Learning Outcome (PLO)*.

- 5.5 Julat Markah, Gred dan Nilai Gred yang diberikan kepada sesuatu instrumen penilaian adalah berdasarkan skala penggredan UPSI mengikut Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) dan Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah.
- 5.6 Mencapai PNGK minimum seperti berikut:

Peringkat Pengajian	PNGK Minimum
Sijil	
Diploma	2.00
Diploma Lanjutan	
Sarjana Muda	
Sarjana	3.00
Kedoktoran	

- 5.7 Pelajar yang layak dianugerahkan kelayakan akademik akan diberikan skrol bersama transkrip dan disertakan dengan *Malaysian Qualifications Statement (MQS)*.

6.0 Yuran Pengajian dan Caj Fi Rayuan

- 6.1 Yuran Pengajian bagi permohonan APEL.Q adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh UPSI bagi setiap program. Kadar yuran pengajian adalah berbeza bergantung kepada kerumitan bidang dan tahap pengajian.
- 6.2 Bagi setiap permohonan rayuan, caj fi juga akan dikenakan mengikut kadar yang ditetapkan oleh UPSI bergantung kepada kerumitan bidang dan tahap pengajian.

7.0 Proses Pelaksanaan

- 7.1 Pelaksanaan proses penilaian APEL.Q di UPSI adalah berpandukan *Guidelines To Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning For Award of Academic Qualifications [APEL.Q]* yang digunakan oleh MQA (Dirujuk sebagai GGP).

- 7.2 Pelajar yang gagal dalam penilaian APEL.Q boleh memohon semula berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan oleh MQA.
- 7.3 UPSI akan mengeluarkan skrol bersama transkrip yang akan menyatakan laluan APEL.Q dan menggambarkan PNGK yang diperoleh oleh pelajar.
- 7.4 UPSI akan menyimpan rekod lengkap termasuk instrumen, bukti dan keputusan permohonan.
- 7.5 Tempoh maksimum pengajian adalah seperti berikut:

Peringkat MQF	Sektor Akademik	Tempoh Maksimum Pengajian
3	Sijil	3 Tahun
4	Diploma	6 Tahun
5	Diploma Lanjutan	3 Tahun
6	Sarjana Muda	8 Tahun
7	Sarjana	4 Tahun
8	Kedoktoran	8 Tahun


8.0 Prosedur Permohonan APEL.Q

- 8.1 Pemohon perlu membuat permohonan melalui MQA yang bertindak sebagai pusat untuk semua permohonan APEL.Q.
- 8.2 Fakulti akan melantik sekurang-kurangnya seorang Penasihat yang akan membimbing pelajar sepanjang tempoh pengajian.
- 8.3 Pelajar akan melengkapkan Penilaian Kendiri bagi penilaian tahap pengalaman pelajar dalam bidang yang dimohon. Borang Penilaian Kendiri adalah seperti di Lampiran A.

8.3 Pelajar akan dibimbing oleh Penasihat dalam melaksanakan Penilaian Kendiri. Berdasarkan Penilaian Kendiri, Penasihat akan menentukan kelayakan pelajar dan membuat cadangan yang sesuai seperti berikut:

- i. cadangan sekiranya permohonan tidak mungkin berjaya
pelajar akan diberikan nasihat dengan sewajarnya seperti perlu mengikuti kursus-kursus bagi menambahkan pengetahuan dan membuat permohonan berhenti.
- ii. cadangan sekiranya permohonan akan berjaya
pelajar akan mengisi borang permohonan sebelum meneruskan ke pelbagai peringkat penilaian. Borang Permohonan APEL.Q adalah seperti di Lampiran B.

8.4 Carta alir proses permohonan adalah seperti berikut:



9.0 Instrumen Penilaian dan Prosedur

9.1 Tiga (3) instrumen penilaian utama yang akan digunakan dalam turutan berikut untuk menilai pembelajaran pengalaman pelajar iaitu:

9.1.1 Portfolio

9.1.2 *Field and Validation Visit (FVV)*

9.1.3 *Challenge Test*

Pelajar perlu lulus setiap penilaian mengikut turutan yang dinyatakan sebelum ke peringkat seterusnya.

setelah berjaya menyelesaikan ketiga-tiga penilaian, pelajar perlu melengkapkan *Capstone Course* yang telah ditetapkan bagi program pengajian tersebut.

- 9.2 Peratus pemberatan instrumen penilaian adalah berbeza, yang menyumbang kepada jumlah penilaian keseluruhan. Penilaian pemberatan bagi setiap instrumen adalah seperti berikut:

Bil.	Instrumen Penilaian	Pemberatan (%)
1	<i>Portfolio</i>	20
2	<i>Field and Validation Visit (FVV)</i>	20
3	<i>Challenge Test</i>	30
4	<i>Capstone Course</i> (termasuk peperiksaan lisan komprehensif)	30

9.3 *Portfolio*

- 9.3.1 *Portfolio* adalah dokumen formal yang mengandungi kompilasi bukti yang mendokumentasikan pembelajaran pengalaman yang diperoleh.

- 9.3.2 Disediakan oleh pelajar untuk menunjukkan bahawa pembelajaran yang diperoleh adalah relevan dengan program yang dimohon.


- 9.3.3 Bukti mesti disusun dan dikemukakan berdasarkan *PLO* yang telah dikenal pasti.

9.4 *Field and Validation Visit (FVV)*

- 9.4.1 *FVV* dilakukan di tempat kerja pelajar atau persekitaran/ lokasi yang kondusif bagi membolehkan pelajar menunjukkan bahawa pembelajaran dalam pekerjaan memenuhi *PLO*.

- 9.4.2 Jumlah lawatan *FVV* adalah berbeza bergantung pada kerumitan bidang/disiplin tahap pengajian.
- 9.4.3 Proses penilaian *FVV* adalah berasaskan *PLO* yang telah dikenalpasti. Kompetensi calon boleh dinilai melalui beberapa kaedah seperti menyemak dokumen, pemerhatian dan juga temubual bersama staf di tempat kerja pelajar.
- 9.4.4 Lokasi *FVV* boleh dicadangkan oleh pelajar tetapi ia harus dipersetujui oleh UPSI berdasarkan penilaian risiko.

9.4.5 Prosedur *FVV* adalah seperti berikut:



9.4.6 Polisi dan Penilaian Risiko FVV

FVV melibatkan risiko ke atas kesihatan dan keselamatan diri di tempat kerja. Risiko boleh dikategorikan sebagai rendah, sederhana dan tinggi. Terdapat keperluan untuk mengenalpasti, menilai dan menguruskan risiko untuk mengurangkan risiko yang melibatkan calon dan penilai dan pihak UPSI. Di antara perkara yang dilihat ketika FVV termasuk ketika di dalam perjalanan dan pada masa lawatan dijalankan. Proses penilaian risiko FVV adalah seperti di Lampiran C.

9.5 Challenge Test

9.5.1 *Challenge test* boleh dilaksanakan secara ujian bertulis, pemeriksaan lisan, penilaian produk dan / prestasi bergantung kepada disiplin program.

9.5.2 Boleh menggunakan gabungan beberapa jenis penilaian.

9.6 Capstone Course

9.6.1 *Capstone Course* menggabungkan hasil pembelajaran utama program dan menunjukkan bahawa pelajar telah menguasai disiplin teras program. Beberapa rangkaian kursus boleh menjadi kursus *Capstone*. Ini termasuk kertas projek yang merupakan kursus yang dirancang ditawarkan pada semester/ tahun akhir pengajian.

9.6.2 *Capstone Course* boleh dinilai dalam bentuk penulisan dan pembentangan.

9.7 Carta alir keseluruhan proses penilaian APEL.Q adalah seperti di Lampiran D.

9.8 Bagi memastikan pengalaman yang diperolehi adalah meliputi badan pengetahuan program yang dimohon, pembinaan instrumen APEL.Q memerlukan pemetaan kepada *CLO* kursus dan *PLO* program. Untuk tujuan ini Mesyuarat Jawatankuasa APEL Fakulti akan menentukan *Subject Matter Expert (SME)* atau pakar bidang yang dilantik sebagai *Task Force* untuk membina instrumen. Instrumen yang dibina ini perlu melalui proses penilaian oleh Moderator

Instrumen/ Penilai Instrumen sebelum dibentang dan disahkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Instrumen.

9.8.1 Mesyuarat Jawatankuasa APEL Fakulti

Pengerusi : Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa)

Ahli-Ahli : Ketua Jabatan

Ketua Program

9.8.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Instrumen

Pengerusi : Moderator/Pakar yang dilantik fakulti

Ahli-Ahli : Sekurang-kurangnya dua (2) orang pakar yang dilantik Fakulti.

9.8.3 Carta alir dan penerangan proses pembangunan instrumen adalah seperti di Lampiran E.

- 9.9 Pakar subjek/bidang iaitu *Task Force* boleh memilih format soalan seperti di Lampiran F dan akan menetapkan jenis soalan untuk dimuatkan di dalam instrumen penilaian. Penyediaan instrumen adalah berpandukan *PLO* program.
- 9.10 Kriteria bagi Moderator Instrumen/Penilai Instrumen adalah berdasarkan bidang kepakaran seorang pensyarah yang dilantik oleh fakulti. Moderator Instrumen/Penilai Instrumen hendaklah mempunyai kelayakan akademik pada tahap yang lebih tinggi daripada program yang ditawarkan.
- 9.11 Sekiranya gagal dalam penilaian tertentu, pelajar dibenarkan untuk mengulang sebanyak tiga (3) kali. Penasihat akan mengesyorkan kursus tambahan yang bersesuaian bagi peningkatan pengetahuan pelajar. Gred terbaik yang dicapai dalam proses ulangan akan digunakan dalam pengiraan PNGS dan PNGK. Pengajian pelajar akan ditamatkan sekiranya telah mengulang sebanyak tiga kali.

10.0 Panel Pakar

- 10.1 Panel Pakar yang terdiri daripada Penasihat, Penilai dan Moderator adalah penting dalam proses penilaian APEL.Q. Panel Pakar adalah pakar dalam bidang pengajian yang dimohon oleh pelajar.
- 10.2 Panel Pakar perlu memahami prinsip dan keperluan yang berkaitan dengan kandungan penilaian APEL.Q serta berpengalaman dalam pelbagai prosedur penilaian.
- 10.3 Panel Pakar juga perlu mengikuti kursus latihan yang relevan berkaitan prosedur dan dasar penilaian APEL.Q sebelum dilantik sebagai Penasihat, Penilai atau Moderator.
- 10.4 Secara asasnya, kriteria lantikan, peranan dan tanggungjawab sebagai Panel Pakar adalah seperti berikut:

10.4.1 Kriteria lantikan

- i. dilantik oleh Fakulti
- ii. mempunyai pengalaman luas dalam bidang yang berkaitan
- iii. mempunyai pengetahuan berkaitan kandungan dan struktur program
- iv. memiliki kelayakan akademik pada tahap yang lebih tinggi daripada program yang dinilai
- v. telah mengikuti latihan yang berkaitan APEL.Q serta memahami dasar, peraturan dan penilaian APEL.Q dengan baik
- vi. bersedia untuk mengikuti latihan berkaitan APEL.Q dari masa ke semasa bagi mempertingkatkan pengetahuan
- vii. tidak mempunyai konflik kepentingan peribadi dengan organisasi dimana *FVV* akan dilaksanakan

10.4.2 Peranan dan tanggungjawab

- i. dapat menilai kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh melalui pembelajaran pengalaman sebelumnya yang bersesuaian dengan *PLO* program
- ii. mempunyai pengetahuan dan dapat mempelbagaikan kaedah dan penilaian
- iii. mempunyai kemahiran interpersonal yang baik dan dapat bekerjasama dengan panel penilai bagi mencapai keputusan yang sama
- iv. dapat membuat keputusan dalam konteks keseluruhan program
- v. dapat menilai bahawa persekitaran dan instrumen penilaian adalah sah dan boleh dipercayai bagi menilai sebarang bukti yang dikemukakan ketika melaksanakan *FVV*
- vi. berkomunikasi dengan pelajar dan penyelaras di lokasi *FVV* dilaksanakan
- vii. memberi maklumbalas termasuk mengesyorkan latihan dan sokongan bagi pelajar setelah penilaian dilaksanakan

10.5 Kriteria dan peranan khusus Penasihat

10.5.1 Kriteria Lantikan

- i. mempunyai kelayakan akademik yang berkaitan sekurang-kurangnya pada satu tahap yang lebih tinggi daripada program yang ditawarkan.
- ii. mahir dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

iii. mempunyai interpersonal dan komunikasi yang baik.

10.5.2 Garis Panduan

- i. Penasihat dilantik oleh fakulti.
- ii. tidak dibenarkan untuk memainkan peranan sebagai penilai pada masa yang sama.
- iii. menyokong prinsip APEL.Q serta mempromosikan pelbagai penilaian dalam proses penilaian APEL.Q.
- iv. menyediakan panduan dengan jelas, konsisten dan tepat berkaitan prosedur dan penilaian APEL.Q.
- v. membantu pelajar untuk mengenalpasti matlamat Pendidikan dan kerjaya.

10.5.3 Tanggungjawab

- i. memberi bimbingan dan penasihatkan kepada pelajar sepanjang pengajian di UPSI.
- ii. menjelaskan *PLO* dengan terperinci, syarat dan peraturan pengajian serta penilaian yang terlibat sepanjang pengajian.
- iii. menyemak bahan penilaian sebelum dikemukakan kepada Penilai.
- iv. Membantu pelajar dalam mengenalpasti pengetahuan kecekapan atau kemahiran bagi memenuhi *PLO*.

10.6 Kriteria dan peranan khusus Penilai

10.6.1 Fakulti perlu melantik sekurang-kurangnya seorang (1) Penilai Dalam dan seorang (1) Penilai Luar bagi membuat penilaian instrumen.

10.6.2 Penilai perlu membuat penilaian berdasarkan instrumen penilaian yang relevan bagi mencapai *PLO*.

10.6.3 Menyediakan maklum balas yang mudah difahami pelajar.

10.6.4 Bagi memastikan penilaian yang dilakukan oleh Penilai adalah sah dan tidak menyebelahi mana-mana pihak ia mesti mengandungi satu atau semua perkara berikut:

- i. Penilai tidak mempunyai konflik kepentingan dengan pelajar
- ii. sekiranya penilai mengetahui pengalaman terdahulu pelajar tetapi ia tidak diberikan dalam dokumentasi yang dikemukakan oleh pelajar, maka penilai perlu mengabaikan maklumat tersebut dalam membuat penilaian
- iii. Penilai tidak dipengaruhi oleh sikap peribadi pelajar

10.6.5 Peranan dan tanggungjawab Penilai adalah seperti berikut:

- i. memahami prinsip, proses dan prosedur APEL.Q serta mengetahui peraturan yang berkaitan
- ii. mengetahui program MQA/ standard profesional yang relevan serta pendidikan berdasarkan hasil yang memfokuskan kepada *PLO*
- iii. mengetahui prinsip penilaian APEL.Q
- iv. berpengetahuan luas dalam bidang yang dinilai

- v. memberi kerjasama yang baik dan berkolaborasi dengan pelbagai pihak yang berkepentingan dalam proses penilaian APEL.Q
- vi. memberi pandangan dan pemikiran secara jelas dan menghasilkan dokumentasi yang tepat
- vii. mengenal pasti dan mengurangkan risiko yang mungkin mempengaruhi kualiti penilaian
- viii. memberikan kerjasama yang baik dengan moderator bagi tujuan penilaian

10.7 Kriteria dan peranan khusus Moderator

10.7.1 Fakulti perlu melantik Moderator bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen penilaian.

10.7.2 Nisbah lantikan Moderator kepada penilai adalah 1:2 bagi setiap program.

10.7.3 Moderator yang dilantik boleh terdiri daripada kakitangan akademik UPSI atau pakar luar yang bersesuaian.

10.7.4 Menjalankan proses moderasi ke atas semua instrumen penilaian yang telah dibangunkan termasuk penilaian yang telah dibuat oleh Penilai ke atas pelajar.

10.7.5 Moderator juga bertanggungjawab untuk memastikan instrumen penilaian sesuai dengan tahap pembelajaran dan *PLO* yang dimaksudkan serta mengesahkan penilaian telah dinilai dengan adil dan konsisten.

10.7.6 Memberikan kerjasama yang baik bersama Penilai bagi proses moderasi penilaian.

11.0 Penilaian dan Keputusan

- 11.1 Untuk memenuhi syarat penganugerahan kelayakan akademik, pelajar mesti mencapai markah sekurang-kurangnya 50% untuk setiap *PLO*.
- 11.2 Fakulti perlu melantik sekurang-kurangnya seorang Penilai Dalam dan seorang Penilai Luar dalam bidang yang berkenaan bagi menilai semua instrumen penilaian.
- 11.3 Proses moderasi perlu dilaksanakan dalam setiap penilaian. Sekiranya terdapat perbezaan yang ketara dari segi penilaian atau terdapat isu yang menyebabkan jurang perbezaan markah yang besar, Penilai Dalam dan Penilai Luar boleh berbincang dan membuat penyelarasian.
- 11.4 Jawatankuasa APEL Fakulti boleh melantik penilai ketiga untuk membuat penilaian ke atas pemarkahan setiap instrumen yang telah dinilai oleh Penilai Dalam dan Penilai Luar.
- 11.5 Carta alir pelaksanaan moderasi seperti di Lampiran G.
- 11.6 Semua keputusan penilaian hendaklah diperakukan oleh:
 - 11.6.1 Jawatankuasa APEL Fakulti
 - 11.6.2 Jawatankuasa Pengiktirafan
 - 11.6.3 Senat

Keputusan adalah tertakluk kepada Dasar Penganugerahan Kelayakan Akademik seperti di perkara 5.0.

12.0 Rayuan

- 12.1 Pelajar boleh mengemukakan rayuan bagi keputusan APEL.Q dengan membayar caj fi yang ditetapkan oleh UPSI. Dalam proses rayuan, tiada sebarang bukti baru yang boleh dihantar untuk pertimbangan lanjut.

- 12.2 Fakulti akan melantik Jawatankuasa Penilaian Rayuan untuk menilai permohonan rayuan pelajar. Carta alir proses rayuan adalah seperti di Lampiran H.
- 12.3 Ahli Jawatankuasa Penilaian Rayuan terdiri daripada pakar subjek/bidang berdasarkan bidang kepakaran pensyarah yang dilantik oleh fakulti. Ahli Jawatankuasa Penilaian Rayuan hendaklah mempunyai kelayakan akademik pada tahap yang lebih tinggi daripada program yang dinilai.
- 12.4 Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Penilaian Rayuan adalah seperti berikut:
- i. Meneliti soalan, rubrik dan skema pemarkahan bagi setiap penilaian.
 - ii. Meneliti jawapan dan bukti yang disediakan oleh pelajar.
 - iii. Melaksanakan penilaian semula.
 - iv. Membuat laporan bagi penilaian semula yang dilaksanakan.
- 12.5 Keputusan Jawatankuasa Penilaian Rayuan akan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengiktirafan dan Senat. Keputusan adalah muktamad.

13.0 Jaminan Kualiti

- 13.1 Urusan jaminan kualiti bagi penilaian APEL.Q diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ) UPSI.
- 13.2 BPQ akan membuat semakan kepada proses pelaksanaan APEL.Q sebelum keputusan dikemukakan ke Jawatankuasa Pengiktirafan dan Senat. Semakan berdasarkan kerangka jaminan kualiti dan standard seperti berikut:
- 13.2.1 GGP
- 13.2.2 Dokumen Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA COPPA, MQA02

13.2.3 Standard kualiti dalam semua bidang penilaian seperti yang dinyatakan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA).

14.0 Pemantauan dan Semakan Semula Pelaksanaan APEL.Q UPSI

14.1 Urusan pemantauan dan semakan semula bagi pelaksanaan APEL.Q dilapor oleh BPQ ke Jawatankuasa Perancangan Akademik/ Jawatankuasa Pengajian Siswazah dan Senat melalui Sesi Audit Pelaksanaan APEL.Q.

BORANG PENILAIAN KENDIRI APEL.Q
APEL.Q SELF-ASSESSMENT FORM

Arahan untuk melengkapkan borang borang penilaian kendiri APEL.Q
Instruction for completing the APEL.Q self-assessment form.

1. Lengkapkan butiran peribadi pelajar di Bahagian A.
Provide your personal particulars in Part A.
2. Sila kemukakan bukti yang berkaitan di Bahagian B.
For Part B, substantiate with all the relevant documentary evidence.
3. Menyediakan laporan ringkas berkaitan pengalaman yang menyokong hasil pembelajaran program yang di mohon pada Bahagian C.
For Part C, submit a brief account of your prior experiential learning which supports the learning outcomes of the programme you intend to apply for APEL.Q.

BAHAGIAN A : BUTIRAN PERIBADI
PART A : PERSONAL PARTICULARS

Nama <i>Name</i>	
No. Kad Pengenalan <i>Identity Card No.</i>	
Nama Program <i>Name of Programme</i>	
Jumlah Jam Kredit Program <i>Total Credits of the Programme</i>	

BAHAGIAN B : LATIHAN PENILAIAN KENDIRI
PART A : SELF-ASSESSMENT EXERCISE

Hasil Pembelajaran Program (HPO) Setelah tamat program ini, pelajar boleh.... <i>Programme Learning Outcomes (PLOs)</i> <i>On completion of this programme, the learner should be able to...</i>	Saya memperolehnya melalui pengajian atau kerjaya saya yang terdahulu dan dapat memberikan bukti/ dokumen/ sijil (labelkan bukti yang dikemukakan dengan tepat) <i>I have acquired this through my former studies or working career and can provide paper evidence/ documents/ certificates</i> <i>(label the evidence submitted appropriately)</i>	Saya tahu perkara ini tetapi saya tiada bukti untuk dikemukakan <i>I know most of this but i have no paper evidence</i>	Saya bersedia menyelesaikan tugasan atau sebarang bentuk penilaian yang relevan untuk menunjukkan bahawa saya telah memperolehnya <i>I am willing to complete a task/ assignment or any form of relevant assessment to show i have acquired this</i>
1. PLO1			
2. PLO2			
3. PLO3			
4. PLO4			
5. PLO5			
6. PLO6			
7. PLO7			
8. PLO8			
9. PLO9			
10. PLO10			
11. PLO11			

BAHAGIAN C : PENYERAHAN LAPORAN
PART C : REPORT SUBMISSION

Tulis dan hantarkan laporan minimum 1000 patah perkataan berdasarkan pembelajaran pengalaman terdahulu yang menyokong hasil pembelajaran program (sila guna helaian yang berasingan bagi laporan ini).

Write and submit a minimum of 1000-word report based on your prior experiential learning which supports the programme learning outcomes (you may attach a separate sheet for this report).

Saya mengesahkan bahawa semua butiran di dalam borang ini adalah betul dan penyerahan laporan adalah hasil penulisan saya sendiri.

I confirm that all the details on this form are correct to the best of my knowledge. The submission of the report is also my own works.

Diserahkan oleh :

Submitted by :

Tarikh :

Date :

BAHAGIAN D : ULASAN PENASIHAT
PART D : ADVISOR REVIEWS

Keputusan / Result	Diterima (Accept) / Ditolak (Reject)
Tandatangan / Signature	
Nama / Name	
Tarikh / Date	



**BORANG PERAKUAN PENASIHAT BAGI PENILAIAN KENDIRI APEL.Q
ADVISOR CERTIFICATE FORM FOR APEL.Q SELF-ASSESSMENT**

Saya _____ dengan ini telah membuat penilian bagi Ujian Penilaian Kendiri APEL.Q bagi calon seperti berikut:

I _____ hereby has made assessment for APEL.Q
Self Assessment test for the following candidates:

Nama Name	
No. Kad Pengenalan I/C No.	
Peringkat Pengajian Level of Study	
Program Programme	

Dengan ini saya mengesahkan bahawa calon ini adalah **LAYAK / TIDAK LAYAK** untuk meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya dalam struktur pengajian APEL.Q

*I hereby confirm that this candidate is **ELIGIBLE / NOT ELIGIBLE** to continue his studies to the next level in the APEL.Q structure.*

Tandatangan/ Signature : _____

Tarikh/ Date : _____

BORANG PERMOHONAN APEL.Q
APEL.Q APPLICATION FORM

Nama pemohon <i>Name of applicant</i>	
No. K/P / No. Paspot <i>Identification no./ Passport no.</i>	
Nama program <i>Name of programme</i>	
Peringkat program (peringkat MQF) <i>Programme level (MQF Level)</i> Cth : Sijil, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana <i>Certificate, Diploma, Bachelor, Master</i>	
Jumlah jam kredit program <i>Total credits of the programme</i>	
Pengesahan Penasihat APEL.Q <i>Confirmation of APEL.Q Advisor</i>	<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa pemohon di atas telah melengkapkan Borang Penilaian kendiri dan layak untuk memohon penilaian APEL.Q</p> <p><i>I hereby confirm that the above applicant has undertaken the Self-Assessment exercise and deemed eligible to apply for APEL.Q assessment.</i></p> <hr/> <p align="center">Tandatangan / Signature</p> <p>Nama Penasihat : <i>Name of Advisor :</i></p> <p>Tarikh / Date :</p>

Saya dengan ini:

I hereby:

- a) Menyatakan bahawa saya telah membaca, memahami dan menerima semua terma dan syarat yang ditetapkan di bawah peruntukan APEL.Q UPSI dan;
Declare that I have read, understood and accepted all the terms and conditions stipulated under the provision of APEL.Q of UPSI and;
- b) Menyatakan bahawa semua maklumat / dokumen yang diberikan untuk menyokong permohonan ini adalah sahih, benar dan tepat.
Declare that all the information/ documents provided to support this application are authentic, true and accurate.

Saya memahami sepenuhnya bahawa UPSI berhak untuk menolak permohonan saya sekiranya terbukti sebaliknya

I fully understand that UPSI reserves the right to reject my application if proven otherwise.

Tandatangan / Signature	:	
Nama / Name	:	
Tarikh / Date	:	

LAMPIRAN C



FIELD AND VALIDATION VISIT (FVV) LOCATION RISK ASSESSMENT FOR THE IMPLEMENTATION OF APEL.Q

Name	
Programme	
Matric No.	
FVV Location (full address)	
Date of Visit	

RISK RANKING

The following quantitative method has been designed as a measure of the total risk evident:

RISK = LIKELIHOOD OF OCCURANCE & SERVITY OF RISK

Likelihood of Risk

1. *Improbable*
2. *Remote*
3. *Occasional*
4. *Probable*
5. *Frequent*

Severity of Risk

1. *Negligible*
2. *Marginal*
3. *Critical*
4. *Catastrophic*

Overall Risk

1. *Low Risk*
2. *Moderate Risk*
3. *Medium Risk*
4. *High Risk*

HAZARDS	WHO IS AFFECTED	CONTROL MEASURES	LIKELIHOOD OF RISK	SEVERITY OF RISK	OVERALL RISK
Travelling restriction	Assessors	<p><i>Before embarking on visit ensure you have the following:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Assessor's appointment letter • Interstate travel permits from PDRM due to MCO • Outstation's application approval from UPSI <p><i>In case of the assessors not being able to travel:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Provide video live streaming from the premise • Ensure the availability of internet connection at the premise 			
Health	Assessors and students	<ul style="list-style-type: none"> • Health declaration form filled by the assessors and students • Parties involved should be vaccinated (if possible) • Ensure SOPs are strictly followed (physical distancing, hand sanitising, wear mask at all times) 			
Road accident	Assessors	<ul style="list-style-type: none"> • Obey rules of the road, ensure good condition of vehicles. • It is recommended to use the university's transport 			
Injuries	Assessors and students	<ul style="list-style-type: none"> • Students must have insurance provision • Assessors must ensure that the outstation application has been approved in order to be covered by UPSI 			
Falling/ Tripping	Assessors and students	<ul style="list-style-type: none"> • Be aware of terrain, kerbs etc. and watch footing • Abide by rules and expectations at the premise 			
Fire	Assessors and students	<ul style="list-style-type: none"> • Ensure the premise has fire safety measures (working alarms, fire exists, 1 fire extinguishers) 			


		<ul style="list-style-type: none"> • Ensure all know where the fire exits are • Designate a meeting place away from premise in case of fire 			
HAZARDS	WHO IS AFFECTED ?	CONTROL MEASURES	LIKELIHOOD OF RISK	SEVERITY OF RISK	OVERALL RISK
High risk and unsuitable activities	Assessors and students	<ul style="list-style-type: none"> • Ensure both parties have agreed upon an itinerary beforehand which meets all safety requirements • Ensure both parties have agreed upon safety standards and have informed each other of any activities which may be hazardous (for examples, activities related to food preparation such as the use of kitchen utensils and electrical equipment) 			
Incomplete assessment	Assessors and students	<ul style="list-style-type: none"> • Ensure documents and practices are present and accessible for FVV assessment • The operation of the business/premise must be demonstrated • Ensure that all equipment is used properly, well-maintained and repairable on site 			

DECLARATION:

The above has been completed to the best of my/our knowledge and is an accurate identification of the known or foreseeable hazards and of the safety control to be followed.


Risk assessor	
Signature	
Date	
Advisor	
Signature	
Date	

CARTA ALIR PROSES PENILAIAN



LAMPIRAN E

CARTA ALIR DAN PENERANGAN PROSES PEMBANGUNAN INSTRUMEN



PENERANGAN PROSES PEMBINAAN INSTRUMEN

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.	<p>Fakulti melantik Ahli Jawatankuasa APEL.Q Fakulti</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdiri dari pakar-pakar bidang, Ketua Jabatan dan Ketua Program di Fakulti. <p>Jawatankuasa APEL.Q Fakulti bertanggungjawab untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mencadangkan pelantikan Penasihat, Penilai Dalam, Penilai Luar dan Moderator. • Meneliti penilaian Ujian Kendiri. • Meneliti instrumen penilaian, rubrik dan skema jawapan. • Meneliti dan mengesahkan keputusan pelajar. • Membuat perancangan pelaksanaan APEL. • Merancang latihan/ taklimat/ bengkel APEL kepada warga Fakulti. 	Fakulti
2.	<p>Melantik Ahli Jawatankuasa Task Force Pembinaan Instrumen mengikut program</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ahli Jawatankuasa Task Force terdiri dari pensyarah yang terlibat di dalam program. <p>Jawatankuasa Task Force Pembinaan Instrumen bertanggungjawab untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan Pemetaan CLO kursus kepada PLO dan juga kepada setiap instrumen penilaian berdasarkan proforma kursus. • Menyediakan soalan-soalan berdasarkan jenis instrumen portfolio, FVV, Challenge Test dan Capstone berdasarkan CLO kursus yang telah dipetakan dan juga PLO. • Menyediakan rubrik dan skema untuk setiap jenis instrumen penilaian. • Membentangan instrumen dan rubrik penilaian. • Membuat semakan setelah instrumen dinilai oleh Moderator Instrumen. 	Fakulti
3.	<p>Melantik Moderator Instrumen/Penilai Instrumen.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Moderator mestilah mempunyai kepakaran dan menilai instrumen. <p>Moderator Instrumen/Penilai Instrumen bertanggungjawab untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan instrumen penilaian sesuai dengan tahap pembelajaran dan PLO. • Menyemak instrumen, skema dan rubrik Portfolio, FVV, 	Fakulti

	<p><i>Challenge Test</i> dan <i>Capstone</i>, yang telah disediakan oleh Jawatankuasa <i>Task Force Pembinaan Instrumen</i>.</p> <ul style="list-style-type: none"> Menjalankan moderasi ke atas penilaian yang telah dibuat penilai. 	
4.	<p>Mengadakan sesi penerangan kepada Ahli Jawatankuasa <i>Task Force Pembinaan Instrumen</i> dan <i>Moderator Instrumen</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Penerangan mengenai dasar, proses dan prosedur dalam menguruskan APEL.Q. 	Fakulti dan BHEA
5.	<p>Mengadakan Bengkel Penyediaan Instrumen bagi program yang terlibat.</p> <ul style="list-style-type: none"> Melibatkan Ahli Jawatankuasa <i>Task Force Pembinaan Instrumen</i> dan juga <i>Moderator Instrumen</i> Bengkel meliputi: <ol style="list-style-type: none"> Penyediaan Pemetaan CLO kursus kepada <i>PLO</i> dan juga kepada setiap instrumen penilaian (<i>Portfolio</i>, <i>FVV</i>, <i>Challenge Test</i> dan <i>Capstone</i>) berdasarkan proforma kursus. Penyediaan soalan-soalan berdasarkan jenis instrumen portfolio, <i>FVV</i>, <i>Challenge Test</i> dan <i>Capstone</i> berdasarkan CLO kursus yang telah dipetakan dan juga <i>PLO</i>. Penyediaan rubrik dan skema untuk setiap jenis instrumen penilaian Pembentangan instrumen dan rubrik penilaian Semakan dan penilaian instrumen dan rubrik oleh <i>Moderator Instrumen</i> Penambahbaikan instrumen dan rubrik penilaian 	Fakulti, BHEA, Ahli Jawatankuasa <i>Task Force Pembinaan Instrumen</i> , <i>Moderator Instrumen</i>
6.	Instrumen dan rubrik penilaian yang telah dimurnikan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Instrumen untuk pengesahan	Fakulti, Moderator Instrumen

LAMPIRAN F

FORMAT SOALAN

Types of Challenge Test /Validation Instruments	Description	Advantages	Constraints
I. WRITTEN TEST			
Multiple Choice	<i>Learners select the appropriate answer from several possible responses.</i>	<i>Efficient and reliable.</i> <i>Allow a wide content sampling.</i>	<i>Question construction can be difficult and time consuming.</i> <i>May encourage guessing.</i>
True or False	<i>Learners state whether statements are true or false.</i>	<i>Many items can be administered during a limited time period.</i>	<i>A multiple choice question requires recognition of a pre-constructed response.</i>
Matching	<i>Learners select a second statement that best complements each presented</i>	<i>Easy to administer and score.</i> <i>Scoring is objective.</i> <i>Measure knowledge keyed to specific learning outcomes and competencies.</i>	<i>A true or false question has a 50% chance score unless adjusted.</i> <i>Moreover, facts may not be categorically true or false.</i>
Fill-in-the-blanks	<i>Learners complete phrases or sentences by filling in the blanks.</i>	<i>Can test all levels of the cognitive taxonomy.</i>	<i>Not appropriate for higher level</i>

<i>Short Answer</i>	<p><i>Learners provide short answers to questions or complete the given sentences.</i></p> <p><i>Requires recollection of correct answer.</i></p> <p><i>Relatively easy to construct.</i></p> <p><i>Guessing is minimised.</i></p> <p><i>Allows wide sampling of content.</i></p> <p><i>Tests the ability of learners to organise, compose and write rather than merely recognise or recall.</i></p>	<p><i>Difficult to score.</i></p> <p><i>Tends to emphasise factual knowledge, rather than higher thinking skills, performance or attitudes.</i></p>
----------------------------	--	---

<i>Types of Challenge Test/Validation Instruments</i>	<i>Description</i>	<i>Advantages</i>	<i>Constraints</i>
<i>Essay</i>	<p><i>Learners respond to questions or directions by organising and writing an answer.</i></p>	<p><i>Easy to prepare.</i></p> <p><i>Learners use their own words.</i></p> <p><i>Measures complex cognitive learning.</i></p> <p><i>Eliminates guessing.</i></p>	<p><i>Testing is limited to a narrow sampling or content.</i></p> <p><i>May encourage 'padding'.</i></p> <p><i>Difficult to evaluate objectively or achieve reliability in scoring and requires good scoring guides, model answers and clear criteria.</i></p> <p><i>Favours learners with high level language skills.</i></p>

Situation-based problem solving	<p><i>Learners organise and write responses to problems usually presented in a real-life context.</i></p>	<p><i>Able to measure complex, cognitive learning.</i></p> <p><i>Learners use their own words.</i></p> <p><i>Relate learning to real world situations.</i></p> <p><i>May test several competencies at once.</i></p>	<p><i>Time-consuming and difficult to construct.</i></p> <p><i>Difficult to score reliably and requires good scoring guides.</i></p> <p><i>May reduce the range of content that can be sampled.</i></p>
Types of Challenge Test/Validation Instruments	Description	Advantages	Constraints
II. ORAL EXAMINATION			
Structured oral test	<p><i>Learners respond to pre-set questions (and answers).</i></p> <p><i>Notes are kept on responses.</i></p>	<p><i>Tends to be more reliable than an unstructured oral test.</i></p> <p><i>Provides direct assessment of specific knowledge and skills.</i></p>	<p><i>Less personal.</i></p> <p><i>Require training in interviewing skills and rating scales.</i></p> <p><i>May cause learner anxiety.</i></p> <p><i>May favour learners with strong speaking skills.</i></p>
One-to-one interview	<p><i>A face-to-face interview during which questions may flow from the responses of learners.</i></p>	<p><i>Allows for a more complete assessment than pre-set questions.</i></p> <p><i>Useful in combination with portfolio</i></p>	<p><i>Requires training in interviewing skills and rating scales.</i></p>

<i>Panel interview</i>	<i>Learners are interviewed by several assessors</i>	<i>Moderate subjectivity.</i>	<i>Costly to construct. Group process must be planned.</i>
------------------------	--	-------------------------------	--


Types of Challenge Test/Validation Instruments	Description	Advantages	Constraints
III. PERFORMANCE ASSESSMENTS			
<i>Simulation (e.g. Objective Structured Clinical Examination, OSCE)</i>	<i>Learners perform in a real-life situation.</i>	<i>Provides 'controlled' sample of real life and work activity. Allows for testing of complex integrated skills.</i>	<i>Requires clear criteria and standardised test conditions. May be costly.</i>
<i>Presentation</i>	<i>Learners verbally present learning.</i>	<i>Provides learner control over the demonstration.</i>	<i>Depends on the confidence of learners.</i>
<i>Skills demonstration</i>	<i>Learners physically present learning.</i>	<i>Clear demonstration of skill level and problem-solving ability in relevant contexts. Excellent for measuring application and synthesis levels of the taxonomy.</i>	<i>Can be costly and time consuming.</i>
<i>Role play</i>	<i>Learners take on roles to simulate a problem.</i>	<i>Practical – replicating 'real world' skills as much as possible.</i>	<i>Group work may not be a fair assessment of individual ability. Can create performance pressure unrelated to the skills being</i>

<i>Observation</i>	<p><i>Observer assesses the behaviour of learners in a natural setting.</i></p> <p><i>Assessment criteria are set in advance.</i></p>	<p><i>Opportunity to observe the real practice context.</i></p> <p><i>Often more comfortable for learners rather than simulation.</i></p> <p><i>Allow for collaboration with other peers/employees.</i></p>	<p><i>Complicated to set up.</i></p> <p><i>Can be time consuming and costly.</i></p> <p><i>A rating sheet is critical to prevent unfair test conditions.</i></p> <p><i>Can involve</i></p>
<i>Types of Challenge</i> <i>Test/Validation Instruments</i>	<i>Description</i>	<i>Advantages</i>	<i>Constraints</i>
IV. PRODUCT ASSESSMENTS			
<i>Work sample</i>	<i>Work samples are provided by learners.</i>	<p><i>Provides a real-life context.</i></p> <p><i>Direct, practical and learner-centred.</i></p> <p><i>Useful when knowledge and skills are difficult to observe during product</i></p>	<p><i>A rating sheet is critical to prevent unfair test conditions.</i></p> <p><i>Does not allow for process observation.</i></p>
<i>Portfolio or evidence collection</i>	<i>An organised collection of materials that present and verify skills and knowledge acquired experientially.</i>	<p><i>Enable reflection on learning.</i></p> <p><i>May demonstrate cross-cutting knowledge and skills.</i></p>	<p><i>May require supplementary interviews.</i></p> <p><i>Require advising services.</i></p> <p><i>May favour learners with strong writing skills.</i></p> <p><i>Requires assessor training</i></p>

<i>Self-evaluation</i>	<i>Learners respond in writing to criteria set for evaluating their learning.</i>	<i>Uses critical reflection. Can be used in conjunction with other methods. Congruent with adult education</i>	<i>May not be appropriate as the only assessment method. May favour learners with strong writing skills.</i>
<i>Review of external training programmes</i>	<i>Assessment of workplace and occupational training programmes or academic equivalency and credits.</i>	<i>Eliminates assessment of individual achievements based on successful programme completion. Essentially credit</i>	<i>Can be costly. Training programmes often do not have sufficient structure to justify academic credits.</i>

LAMPIRAN G

CARTA ALIR PELAKSANAAN MODERASI



CONTOH LAPORAN MODERASI MARKAH



FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI LAPORAN MODERASI CHALLENGE TEST

Nama Calon : _____

No. K/P : _____


Program: _____

Bahagian	Markah Penuh (100)	Markah Pemeriksa	Isu /Perbezaan	Tindakan
		Pemeriksa Dalam		
		Pemeriksa Luar		
		Pemeriksa Dalam		
		Pemeriksa Luar		
		Pemeriksa Dalam		
		Pemeriksa Luar		
		Pemeriksa Dalam		
		Pemeriksa Luar		

PERAKUAN PEMERIKSA			PENGESAHAN	
NAMA PEMERIKSA	TANDATANGAN	TARIKH	NAMA & TANDATANGAN	

LAMPIRAN H

CARTA ALIR PROSES RAYUAN



4.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 8 Februari 2022.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"UPSI NO.1 PENDIDIKAN"



PUAN SUHAIILA SIDEK
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 8 Februari 2022